

Headline	Golongan songsang sebar virus HIV		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	24	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	135 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,298
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,894



Golongan songsang sebar virus HIV

Kuala Lumpur: Golongan homoseksual dan biseksual kini menjadi kumpulan penyumbang utama dalam penyebaran virus HIV dan AIDS terutama di sekitar ibu negara, kata pakar perubahan kesihatan awam.

Ketua Penolong Pengarah Kanan (HIV/STI) Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya Dr Rohaya Ramli berkata, walaupun trend jangkitan HIV mencatatkan penurunan, namun terdapat perubahan terhadap pola jangkitan virus itu.

"Kalau dahulu 80 peratus jangkitan HIV berpunca daripada penggunaan dadah, tetapi sekarang trend menunjukkan 96 peratus jangkitan melalui kaedah aktiviti seksual berdasarkan statistik sehingga Jun tahun ini.

"Sebanyak 65 peratus jangkitan berpunca daripada golongan homoseksual dan biseksual, manakala 31 peratus adalah jangkitan dari hubungan seksual lelaki kepada wanita dan sebaliknya," katanya pada program Nine11 di Bernama News Channel, semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan, jumlah jangkitan HIV yang direkodkan di seluruh negara sejak 1986 sehingga Disember lepas ialah 110,000 kes.

Jumlah jangkitan penyakit AIDS pula 23,000 kes dengan jumlah kematian keseluruhan 18,000 kes.

"Bagi kes kumulatif di Kuala Lumpur untuk tempoh sama, 9,700 kes HIV dilaporkan, selain 3,600 kes AIDS dengan 2,300 jumlah kematian direkodkan," katanya.

Dr Rohaya berkata, bagi mencapai sasaran kempen sifar jangkitan HIV di Kuala Lumpur menjelang 2020, Kementerian Kesihatan menjalankan program pencegahan dan kawalan memberi fokus kepada beliau.

"Kita turut memberi tumpuan kepada golongan berisiko seperti pengguna dadah, pekerja seks wanita, golongan homoseksual dan 'mak nyah'.

"Antara langkah yang diambil adalah kita tekankan tentang bahaya HIV kepada golongan remaja supaya mereka dapat mengelak dan menghindari diri dari terlibat dengan hubungan seks sebelum berkahwin," katanya.

- BERNAMA